



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ROSLAN BIN MUSTAPHA
KISAH SEBALIK KEMATIAN TOK JANGGUT

OLEH:

MOHAMAD AMIR IHSAN BIN ADNAN	2013106789
MOHD SABIRIN BIN ANUAR	2013942095

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ROSLAN BIN MUSTAPHA
KISAH SEBALIK KEMATIAN TOK JANGGUT**

OLEH:

MOHAMAD AMIR IHSAN BIN ADNAN	2013106789
MOHD SABIRIN BIN ANUAR	2013942095

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kami melaksanakan wawancara bersama tokoh yang dipilih iaitu Encik Roslan bin Mustapha. Dengan demikian, kami juga dapat menyiapkan transkrip yang lengkap tentang wawancara tersebut. Wawancara ini adalah untuk memenuhi keperluan Kursus IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah binti Chik yang telah banyak memberikan tunjuk ajar tentang subjek ini. Beliau juga telah banyak memberikan garis panduan yang lengkap untuk menyiapkan transkrip ini mengikut prosedur sebagaimana yang dikehendaki.

Selain itu, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Roslan bin Mustapha kerana memberi kerjasama sepenuhnya untuk berkongsi pengetahuan beliau mengenai Tok Janggut dan secara tidak langsung kami berterima kasih juga kepada keluarga beliau.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Tok Janggut.....	08
Bahagian 3: Sejarah Perjuangan Tok Janggut.....	17
Bahagian 4: Faktor Penentangan Tok Janggut.....	18
Bahagian 5: Kisah Sebalik Kematian Tok Janggut.....	20
Bahagian 6: Usaha Membetulkan Sejarah Kematian Tok Janggut.....	45
Rujukan.....	59
Lampiran	
Log Wawancara.....	60
Diari Kajian.....	63
Senarai Soalan.....	64
Surat Perjanjian.....	70
Gambar.....	71
Indeks.....	76

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Projek ini mengenai pengalaman Encik Roslan Bin Mustapha sebagai seorang yang di dalam bidang perniagaan di Kelantan iaitu di kawasan Machang. Pengetahuan serta ilmu yang ada pada Encik Roslan Bin Mustapha ini adalah sangat berharga. Beliau pernah dipanggil ke Muzium Kelantan untuk sesi temu ramah mengenai kisah disebalik kematian Tok Janggut dimana beliau mengenai orang yang mengebumikan Tok Janggut tersebut. Transkrip ini juga menerangkan mengenai latar belakang peribadi beliau serta maklumat mengenai ahli keluarga beliau. Dalam transkip ini juga menerangkan tentang sejarah dan pendidikan tokoh sejak dari kecil sehingga sekarang. Di samping itu, beliau menceritakan pengalaman beliau mengenai sejarah kisah disebalik kematian Tok Janggut. Beliau juga peramah serta bersedia untuk berkongsi segala pendapat dan nasihat kepada sesiapa yang ingin mengetahui mengenai sejarah kisah kematian Tok Janggut dengan lebih lanjut lagi. Beliau mengenali semua orang yang mengebumikan Tok Janggut ketika beliau meninggal kerana oleh sebab sakit tua bukan kerana dibunuh oleh British. Encik Roslan Bin Mustapha berkongsi segala ilmu yang beliau memiliki mengenai sejarah tokoh Tok Janggut iaitu pahlawan yang paling agung di Kelantan kerana semangat yang beliau ada untuk menentang British ketika zaman dahulu.

Kata kunci: Encik Roslan Bin Mustapha, Tok Janggut, British, Muzium Kelantan.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Tokoh	: Encik Roslan Bin Mustapha
Tarikh Lahir	: 31 Disember 1961
Tempat Lahir	: Kg Simpul Berlubang, Machang, Kelantan
Tempat Tinggal	: Kg Simpul Berlubang, Machang, Kelantan
Kerjaya	: Ahli Perniagaan (Perubatan Tradisional Penawar)
Adik-Beradik	: 11 Orang (Anak Pertama)
Bilangan Anak	: 5 Orang
Nama Isteri	: Faridah Binti Mohamad
Kerjaya Isteri	: Suri Rumah

PENGENALAN

PENGENALAN: SEJARAH TOK JANGGUT

Tok Janggut adalah seorang tokoh pahlawan yang hebat di Kelantan pada masa dahulu. Beliau merupakan anak jati kelahiran Kelantan. Haji Mat Hassan ialah anak kepada panglima Munah iaitu panglima kesayangan engku Seri Maharaja Jeram. Beliau lahir pada 1853 di Kampung Jeram. Sejak kecil beliau telah dihantar mengaji di sebuah pondok di Kelantan. Beliau mempelajari seni silat dari seorang Minangkabau. Setelah tamat pengajian, Haji Mat Hassan berkhidmat sebagai panglima kepada Engku Seri Maharaja Jeram. Beliau kemudiannya menunaikan haji di Mekah. Sekembalinya dari Mekah, Nik Hassan digelar Tok Janggut kerana janggutnya yang panjang. Beliau tinggal di Kampung Nering dan berkahwin dengan Siti Hajar, namun tidak mempunyai anak. Pekerjaan Janggut ketika itu ialah bertani dan mengajar seni silat.

Untuk makluman, sejarah perjuangan Tok Janggut bukan sahaja kisah perjuangan menentang penjajah Inggeris dan Siam, bahkan perjuangan beliau adalah perjuangan bagi mempertahankan pemerintah sebenar Kelantan pada masa itu iaitu Engku Besar Jeram, Tengku Besar Tuan Ahmad. Perjuangan Tok Janggut adalah bagi menentang kerajaan Kota Bharu yang di kuasai oleh tali barut penjajah Inggeris dan Siam yang cuba untuk menguasai bumi Kelantan dan seterusnya menghapuskan saki baki keturunan Long Gaffar dari persada politik Kelantan.

Justeru bagi meneruskan cita-cita jahat itu pemerintah Kota Bharu dibantu oleh Siam dan Inggeris telah bertindak nekad pada tahun 1915 dengan menyerang kubu terakhir zuriat pemerintah sebenar Kelantan di Kota Jeram, Pasir Puteh. Selama tujuh hari tujuh malam kota Jeram di gempur dan dibakar sehingga menjadi abu. Ramai yang telah terkorban syahid, manakala Engku Besar Jeram pula berjaya menyelamatkan diri dan lari ke Reman. Banginda kemudiannya mangkat dan dikebumikan di sana. Berkenaan dengan Tok Janggut, beliau sebenarnya tidak berjaya dibunuh dalam pertempuran tersebut. Beliau sebenarnya sempat menyelamatkan diri dan dikatakan berjaya melarikan diri dan berlindung di Kampung Simpul Berlubang, Machang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum WBT, saya Mohamad Amir Ihsan bin Adnan, bersama sahabat saya Mohamad Sabirin bin Anuar, daripada Fakulti Pengurusan Sistem Maklumat UiTM Machang. Hajat kami pada petang ini adalah untuk melakukan sesi temuduga berkaitan dengan kisah di sebalik kematian Tok Janggut. Kami akan memulakan sesi temuduga ini bersama dengan Encik Roslan bin Mustapha, iaitu salah seorang penduduk di Kampung Simpul Berlubang, Machang, Kelantan. Temuduga ini dilakukan pada 27 April pada pukul 5.55 petang, hari Rabu bertempat di rumah Encik Roslan sendiri. Temuduga ini adalah untuk memenuhi keperluan subjek IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

RM: Roslan Mustapha
AI: Amir Ihsan

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

AI : **Jadi untuk permulaan, boleh tidak Encik Roslan ceritakan latar belakang Encik Roslan, tentang nama Encik Roslan, umur Encik Roslan, dilahirkan di mana, asal usul?**

RM : Nama saya Roslan bin Mustapha, Kampung Simpul Berlubang, Machang Kelantan, usia *lima puluh empat* [54] tahun. Berasal di Kampung Simpul Berlubang dan lahir di Kampung Simpul Berlubang, Machang, Kelantan.

AI : **Memang Encik Roslan dibesarkan disini daripada kecil?**

RM : Daripada *kecik* [kecil] lagi, lahir disini, buat kerja pun disini.

AI : **Kiranya, mok bapok [ibu ayah] pun memang daripada sini?**
RM : Daripada sini.

AI : **Memang orang asal sini?**
RM : Memang asal sini.

AI : **Jadi dekat Kampung Simpul Berlubang ini, apa nama gelaran yang diberikan pada Encik Roslan? Ada nama gelaran ke?**
RM : Tidak ada gelaran, dia kampung asal dia Simpul Berlubang. Maknanya sejalah semasa zaman itu pun, Kampung Simpul Berlubang.

AI : **Untuk gelaran Encik Roslan pula, orang kampung sini panggil Encik Roslan apa?**
RM : Dia gelaran orang panggil Tok Bomoh Lan.

AI : **Tok Bomoh Lan, kenapa bagi nama gelaran Tok Bomoh Lan itu?**
RM : Dia sebenarnya, kita ini berubat dengan ubat tradisional, masa itu kita guna manual. Daripada manual itu guna asah kan? Asah manual, macam orang zaman kita guna asah. Jadi asah itu sebenarnya air ubat. Air minuman itu air minuman penawar, kalau dia menderu dia panggil penawar. Penawar orang zaman dulu, dia asah. Saya itu semasa usia *dua puluh lima* [25] tahun itu pun asah. Daripada usia *lima puluh* [50] tahun itu kita berubat dah. Berubat pesakit dah.

- AI : **Daripada usia *lima puluh* [50] tahun?**
- RM : *Dua puluh lima* [25] tahun itu kita berubat dah pesakit. Sampai sekarang.
- AI : **Jadi masa dulu macam mana?**
- RM : Dengan guna asah. Guna asah, lepas itu dia moden. Mesin itu saya buat sendiri. Saya buat mesin asah *pulak* [pula]. Asah *zrom zrom zrom* [sambil membuat gaya], menjadikan air ubat. Jadi air. Pah *lo ni* [sekarang] mengikut dengan *tahun dua ribu lapan* [2008], kita pergi kearah kemodenan. Kita guna teknologi. Guna teknologi kita guna ekstrak. Ekstrak ini bermakna kita ambil pati. *Satu* [1] pati menjadikan *satu* [1] penawar supaya pengguna mudah bancuh sahaja. *Satu* [1] skop itu untuk *satu* [1] ulas. Kalau kronik *empat* [4] kali sehari, kalau tidak kronik, *tiga* [3] kali sehari. Kalau tidak kronik lagi, *dua* [2] kali sehari. Ataupun buat amalan harian sekali sehari pun boleh juga.
- AI : **Jadi itulah asalnya kenapa orang kampung gelar Encik Roslan ini, Tok Bomoh Lan?**
- RM : *Ha* [Ya] Tok Bomoh Lan. Nama *glamer* [popular] tok bomoh ingatkan buat ubat kan, berubat. Tapi nama *glamer* [popular], dia kira nama penuh dia panggil tok bomoh *belaka* [semua]. Ustaz pun tok bomoh.

AI : Ingatkan orang panggil tok bomoh ini, Encik Roslan ini mengubat tentang mistik ke apa ke. Bukan? Perubatan perubatan tradisional kiranya.

RM : Tradisional. Tradisional itu orang Kelantan panggil tok bomoh. (ketawa)

AI : Kelantan memang panggil begitu ke? Kalau guna tradisional pun dia [orang Kelantan] panggil tok bomoh *jugak* [juga]?

RM : *Ha* [Ya] tok bomoh, *hak tu* (menuding jari) tok bomoh jati, tok bomoh jugak (ketawa). Dunia *lo ni* (sekarang) sahaja, dunia moden panggil. Mana rumah ustaz? *Gitu* [begitu], ustaz ini seorang pengajar dia panggil. Jadi tok bomoh ini dia kira berubat. Berubat merawat membantu pesakit dia panggil tok bomoh. Nama dia *glamer* [popular] masa dulu lagi, daripada dulu sampai sekarang ini lekat nama tok bomoh. Tua muda pun panggil tok bomoh.

AI : Panggil tok bomoh daripada dulu lagi ke?

RM : *Ha* [Ya] tok bomoh, daripada dulu lagi orang panggil tok bomoh. Nama *glamer* [popular] dia tok bomoh.

AI : Jadi siapakah nama ayah Encik Roslan?

RM : Ayah nama Mustapha.

AI : Masih hidup lagi ke sekarang?

RM : Masih hidup lagi.

- AI : **Tinggal di mana?**
RM : Tinggal di kampung ini *jugak* [juga].
- AI : **Ada *kat* (dekat) sini ke?**
RM : Di Kampung Simpul Berlubang jugak.
- AI : **Bagaimana dengan mak [ibu] Encik Roslan?**
RM : Emak [ibu] pun duduk sini juga, ada lagi.
- AI : **Berapa umur dia?**
RM : Umur lebih kurang *lapan puluh* [80] lebih lah
- AI : **Nama mak [ibu]?**
RM : Nama mak [ibu] Fatimah.
- AI : **Berapa jumlah adik beradik Encik Roslan?**
RM : *Sebelas* [11].
- AI : **Encik Roslan anak keberapa?**
RM : Yang pertama.
- AI : **Kalau yang bongsu sekali berapa umur dia tu?**
RM : Umur yang bongsu sekarang ini lebih kurang *dua puluh* [20] lebih
lah, tapi dalam dekat *tiga puluh* [30] lah.

AI : **Semua adik beradik Encik Roslan ni duduk dekat Kelantan ke?**

RM : Ada rata rata.

AI : **Apa hobi Encik Roslan apabila masa lapang? Masa masa lapang Encik Roslan suka buat apa? Memancing ke?**

RM : Tidak ada, *tidak dan* (sempat).

AI : **Sibuk dengan yang ini ke?**

RM : Dengan ini sahaja, mungkin masa lapang itu kita pergi rehat cari idea ke apa ke. Kita rehat mungkin nampak apa ke.

AI : **Nak kembangkan lagi bisnes ini ke?**

RM : Nak kembangkan lagi *ha'ah* [mengangguk].

AI : **Isteri Encik Roslan ada *kat* [dekat] sini?**

RM : Ada *kat* [dekat] sini.

AI : **Siapa nama dia?**

RM : Faridah Mohamad.

AI : **Berapa umur dia?**

RM : Umur dia *tiga puluh sembilan* [39].

AI : **Pada umur berapa Encik Roslan berkahwin dengan dia?**

RM : Usia saya kahwin semasa itu *dua puluh empat tahun* [24] tahun.

- AI : Berapa bilangan anak Encik Roslan?
- RM : *Lima* [5] orang sahaja.
- AI : Yang sulung berapa umur?
- RM : Yang sulung umur *dua puluh lima* [25].
- AI : Belajar mana?
- RM : Berhenti dah. Untuk ganti generasi akan datang. Pewaris untuk menggantikan masa depan. Yang lain kecil lagi.
- AI : Berapa bilangan anak lelaki dengan perempuan?
- RM : Lelaki *tiga* [3], perempuan *dua* [2].
- AI : Yang sulung itu lelaki ke perempuan?
- RM : Lelaki.
- AI : Jadi yang pertama ini dah berhenti, yang lain lain itu belajar lagi?
- RM : Belajar lagi.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK JANGGUT

- AI : Jadi seterusnya kita akan masuk ke bahagian ke dua iaitu masuk dalam cerita kita sikit, pasal Tok Janggut ini. Jadi boleh tidak Encik Roslan ceritakan serba sedikit pasal biodata peribadi Tok Janggut? Siapa nama dia, asal dia?
- RM : Tok Janggut ini dia berasal daripada *alik* [sebelah] Siam, dulu *alik* [sebelah] Siam itu Malaysia, Kelantan lagi. Asalnya Dusun Nyior *alik* [sebelah] Siam itu. Semasa zaman dulu, Dusun Nyior itu Kelantan. Terengganu itu Kelantan sampai ke Dungun. Semasa zaman itu, kalah raja ini apa dia *pelage* [laga] lembu *pelage* [laga] ayam satu negeri. Macam itu. Dulu nama Kelantan. Di Kelantan semasa zaman dulu dia tidak ada raja lagi. Tapi zaman itu dia ada raja di Terengganu, di Kuala Berang, Raja Damalika. Damalika itu lah raja yang pertamanya yang duduk di mana, Kelantan, Terengganu, Pahang itu dikira Kelantan. Jadi bertapak di Kuala Berang, raja asal. Lepas itu baru Sultan Muluk Merah pastu *gapo* [apa] ini adalah raja belaka. Daripada Tok Janggut itu lepas dia ke siam, dia satu kumpulan dia. Lebih kurang *empat puluh satu* [41] orang jugak lah *sek* [kumpulan] dia. Tapi dia menentang british ni zaman itu. Sebab nak bebas, dia tidak mahu duduk bawah penjajah British. Di akhir sekali dia perang di Pasir Putih lah.

- AI : **Kat [dekat] mana Tok Janggut ini dilahirkan?**
- RM : Dia lahir di Dusun Nyior. Dia asal Dusun Nyior. Dia besar lahir di Dusun Nyior.
- AI : **Apa nama sebenar dia? Ada nama Siam ke?**
- RM : Dia nama asal Munoh. Hasan Munoh. Dia sekali dengan Tok Ku Paloh. Tok Ku Paloh itu nak merdekakan Malaysia ni. Jadi orang putih *bawak* [bawa] balik ke negeri dia.
- AI : **Satu *geng* [kumpulan] la itu?**
- RM : *Ha* [Ya] satu *geng* [kumpulan].
- AI : **Kenapa orang panggil dia Tok Janggut?**
- RM : Tok Janggut ini, dia adalah satu ketua kumpulan.
- AI : **Dia simpan janggut ke?**
- RM : Dia Tok janggut, nama sahaja Tok Janggut. Tapi berjanggut sikit, orang lain pun berjanggut jugak. Tapi nama dia itu Tok Janggut. Dia panggil kakak sulung la kira yang tua. Dalam *group* [kumpulan] dia itu, satu *group* [kumpulan] sahabat dia itu kan, dia panggil Tok Janggut la ketua perang.
- AI : **Pada tahun bila dia dilahirkan?**
- RM : Lahir itu tidak ingatlah, tidak ingat dah masa zaman itu.

- AI : Tok Janggut ini, orang kata dia ini mahir dalam ilmu persilatan, betul ke?
- RM : Dia ilmu persilatan, ilmu kebal.
- AI : Ilmu kebal pun ada?
- RM : Ha [Ya] semua ada sekali la itu. Sek [kumpulan] dia la orang kata Tok Janggut, Mat Kilau. Mat Kilau Pahang kan?
- AI : Dia belajar ilmu silat itu *kat* [dekat] mana? Daripada Siam ke, Kelantan ke?
- RM : Mungkin dia daripada kehilangan, masa itu kemungkinan daripada selepas berlaku Hang Tuah dulu. Masa itu mungkin dia ini berpecah. Jadi Hang Tuah *ghaib* [hilang]. *Ghaib* [hilang] pergi ke, pergi mana? Dia pergi ke Indonesia. Bukan dia *ghaib* [hilang], dia mati di sana *jugak* [juga], di Indonesia. Dia mati di Indonesia, alah tempat dia tu--
- AI : Riau, bukan?
- RM : Lebih kurang *gitu* [begitu] lah. Dia sekali Tuan Puteri Saadong apa itu, dia mati di sana belaka. Lepas dia perang itu, dia lari ke sana tempat dia mati.
- AI : Jadi Tok Janggut ini sebelum dia menentang British ini dia kerja sebagai apa? Jadi petani ke?
- RM : Petani *gitu* [begitu] sahaja, dia hidup macam itu sahaja. Dia duduk merata rata, tidak tentu. Dia tidak kerja mana cuma dia duduk merata

rata, rumah kawan dia, sahabat dia, dia duduk rata rata. Mungkin dia duduk sini, dia duduk Pahang, mungkin dia duduk di Kuala Terengganu Kuala Berang, mungkin dia duduk tempat Mat Kilau. Jadi Mat Kilau pun biasa datang sini. Masa tok kita ada, Mat Kilau ini sekali dengan tok saudara dia, Tok Janggut ini *mari* [datang] sekali lah.

- AI : **Jadi lepas dia daripada siam ini, dia datang Kelantan, kat [dekat] mana dia duduk kat Kelantan itu?**
- RM : *Kat* [Dekat] Kelantan dia duduk di sini, *pah* [selepas] kat Kota Bharu *pah* [selepas] dia duduk di Simpul Berlubang. Tapi semasa itu, selepas itu dia tukar nama.
- AI : **Dia tukar nama jadi apa?**
- RM : Dia duduk sini, satu sebabnya tidak bagi orang kenal dia Tok Janggut, dia tukar nama sahaja zaman dulu. Dia mengajar silat disini. Akhir itu pecah rahsia juga.
- AI : **Kenapa dia nak sorok nama dia itu?**
- RM : Pasal orang nak cari dia, British nak cari dia sebab itu dia sorok nama. Jadi masa dia mati kat sini, tok saya pelihara pasal tok kita ini dia sekali dengan tok Mat Kilau. Tapi dia masa tua dia mati dia *gi* [pergi] *kat* [dekat] rumah sahabat dia yang rapat. Jadi dia mati tinggal *kat* [dekat] sini sebab mati sakit tua. Bukan mati di Pasir Putih di tali tergantung macam itu, sebab itu Deraman, bukan dia.

AI : **Jadi Tok Janggut ini, dia ada kaitan tidak dengan sultan-sultan di Kelantan ini?**

RM : Ada kaitan.

AI : **Dengan sultan mana itu?**

RM : Dengan Sultan Muluk Merah tadi.

AI : **Apa kaitan dia itu? Pertalian *berdarah* [saudara] ke, adik beradik ke?**

RM : Dia kalau kita cakap, macam hulubalang raja. Dia macam kita kata panglima panglima raja. Jadi dia buka kota disini, dia letak mereka itu disini. Tok kita ini nama Awang bin Endut, jadi dia lah duduk sini berdua untuk jaga kawasan ini. Masa Jepun turun kat sini, Gua Gajah, padang luas Jepun ini. Jadi kalau la kita orang kampung pergi rumah dia, Jepun tidak tangkap dah.

AI : **Kenapa ya?**

RM : Ada lah kelebihan dia itu.

AI : **Tok Janggut ini berapa adik beradik dia?**

RM : Adik beradik dia *dua* [2] orang sahaja, tidak ramai. Yang lain tidak tahu lagi, takut masa orang dulu kan dia kawin rata rata. Dia pergi sini pergi sini dapat anak. Pergi lain *pulak* [pula]. Tidak tentu. Kebanyakan masa orang dulu macam itu sahaja.

- AI : **Jadi boleh tidak Encik Roslan gambarkan ciri ciri fizikal dia?**
Macam mana bentuk tubuh dia? Sasa ke? Kulit hitam ke?
- RM : Kulit dia tidak cerah. Dia macam kamu ini, boleh kata nampak lebih kurang sahaja. Mungkin dia bertali saudara jugak, ataupun darah dia jugak. Mungkin *dua* [2] pupu mungkin sepupu. Macam Mat Kilau, Tok Ku Paloh, Tok Selehor, Tok Kenali. Semua *geng* [kumpulan] dia itu.
- AI : **Bentuk tubuh badan dia macam mana?**
- RM : Lebih kurang sahaja, tidak besar mana. Kecil sahaja.
- AI : **Tapi dia mahir dalam ilmu persilatan?**
- RM : Dia mahir ilmu persilatan sebab dia ini jenis orang beramal. Tengah hari ini dia tidur mungkin malam itu dia tidak tidur sebab dia beramal. Dia masa sebelum perang di sini, dia perang di Siam dulu dengan Tok Kemuning dan lain lain. Pasal masa Siam itu dia panggil Raja Wan, orang panggil masa itu Raja Jembal. Raja Jembal masa itu puak puak dia la ni, kamu duduk di bawah pemerintahan Raja Jembal. Semasa perang di Dusun Nyior, rakyat dia ramai mati, sebab itu dia undur. Sebab itu Siam itu boleh dapat ke Raja Siam. Asalnya raja kita ini orang Melayu belaka, sampai ke Siam itu. Dia boleh buat negeri dia lah.

AI : Tok Janggut lepas dia datang daripada Siam, dia datang ke Kelantan itu, orang orang sini kenal tidak dengan dia?

RM : Tidak kenal.

AI : Macam mana dia bergaul dengan orang sini. Orang sini terima baik dengan dia, rapat dengan dia?

RM : Dia datang semasa Kelantan *berbalah* [bergaduh] dengan Terengganu.

AI : *Berbalah* [bergaduh] pasal apa?

RM : *Balah* [gaduh] pasal masalah raja raja. Berebut raja berebut pemerintahan. Sebab itu kumpulan Siam daripada Pahang datang turun sini. Mat Kilau turun. Mereka takut. Sebab Mat Kilau semua datang untuk menyelamat supaya berbaik semula.

AI : Tok Janggut ini dah kahwin ke masa itu?

RM : Dah kahwin, tidak dapat anak.

AI : Isteri dia ada lagi? Ada waris tidak?

RM : Tidak ada dah, dia kahwin itu dia datang sini, tidak dapat anak.

AI : Dia kahwin seorang sahaja atau kahwin ramai?

RM : Dia kahwin seorang sahaja.

- AI : **Lepas dia mati itu, kubur dia *kat* [dekat] mana?**
- RM : Kubur dia ada *kat* [dekat] sini sebab dia mati kat sini. Sakit tua.
- AI : **Orang ramai tahu tidak pasal kubur dia ini?**
- RM : Kubur ini orang dulu ada tahu, dia Tok Imam. Tapi sekarang ni tidak ada dah, tinggal seorang sahaja, yang lain mati dah.
- AI : **Jadi sekarang ni tidak tahu dimana kubur dia?**
- RM : Tahu kubur dia.
- AI : **Tapi orang sekarang tidak tahu lah?**
- RM : Orang kampung, mereka tidak tahu.
- AI : **Orang lama sahaja tahu?**
- RM : Orang lama sahaja tahu, orang lama ini dulu dia simpan nama. Dia datang sini dia tukar nama lain, padahal memang dia. Tapi Tok Janggut ini semasa itu dia buat laporan di balai polis Machang. Dia kena buat laporan seminggu sekali atau *dua* [2] kali. Jadi puak polis pula kumpulan kumpulan dia.
- AI : **Kenapa kubur Tok Janggut ini tidak diperkenalkan kepada orang ramai? Nak bagi orang ramai tahu tentang kubur Tok Janggut ini disini, mungkin budak budak sekolah boleh melawat.**
- RM : Mungkin ada orang tua zaman dulu mereka tidak berkenan, biar

benda ini hilang begitu, tidak jadi tempat pemuja pula. Jadi pemuja itu masalah nya.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: SEJARAH PERJUANGAN TOK JANGGUT

AI : **Bagaimana dengan sejarah perjuangan Tok Janggut. Macam mana dulu dia berjuang?**

RM : Dia berjuang dulu itu untuk bangsa melayu kita lah, takut ditindas daripada penjajah British. Orang putih cakap dia bunuh, tapi masalahnya Tok Janggut tidak berperang.

AI : **Jadi apa yang dia buat sebenarnya?**

RM : Dia pancang satu pokok kayu, dia pancang sana dia pancang sini, dia lepaskan sahaja pisau dia. Pisau semasa dia berperang (bunyi lori) itu dia dapat dari Istanbul, zaman Uthmaniyah lagi. Pisau dia panjang itu (ambil menunjukkan gaya). Dia boleh lepas macam itu sahaja.

AI : **Kenapa dia menentang British ni dulu, orang salah erti kat dia, cakap dia pengkhianat?**

RM : Itu sebab British nak menjatuhkan orang Islam kita. Dia sebarkan Tok Janggut sudah mati. Jadi hilanglah kisah dia. Dia pun *relax* [senang] lah Tok Janggut dah mati sedangkan dia tidak mati.

- AI : Dulu Tok Janggut ini menentang British, banyak ke serangan yang dia buat? Berapa kali dia berperang?
- RM : Banyak, banyak tempat.
- AI : *Kat [Dekat] mana tempat tempat dia?*
- RM : Tempat dia dekat (bunyi kenderaan) penghuni Machang ini dia perang juga.
- AI : Banyak tempat?
- RM : Banyak tempat.
- AI : Ramai pengikut pada masa itu?
- RM : *Geng* [kumpulan] dia ramai *empat puluh* [40] orang.
- AI : Memang *empat puluh* [40] orang, tidak bertambah orang?
- RM : Memang *empat puluh* [40] orang, satu seguru. Dia bertapa di Bukit Panau.
- AI : Dia ada cari orang-orang baru tidak untuk berperang?
- RM : Tidak ada pada masa itu tapi dia mengajar pada peringkat bawah. Pada masa itu sudah perang dah. Masa sudah dia bawa Tok Ku Paloh pegi kepada orang putih itu. Orang putih itu kan sudah merdeka.

Mungkin ilmu ini *mari* [datang] apa dia daripada Hang Tuah juga. Ilmu perang ini juga mungkin *mari* [datang] dari Hang Tuah pastu yang nama orang cina Laksamana Cheng Ho dan semua nama ‘hang’ yang lain berasal dari cina juga. Hang Tuah, Hang Lekir, Hang Lekiu mungkin anak-anak orang cina yang datang itu. Cheng Ho, Hang Lipur mungkin yang berkahwin dengan Sultan Pahang atau Melaka yang itu mungkin anak dia. Kemungkinan ilmu ini datang dari banyak tempat.

- AI : **Semasa perang dahulu, memang menggunakan keris ke?**
- RM : Hanya menggunakan ilmu persilatan sahaja. Semasa orang kepung dan bunuh dia, bila hendak tanam mayat tersebut tukar jadi batang pisang. Biasa la sebab orang zaman dahulu.
- AI : **Orang zaman dahulu tidak sama dengan orang sekarang?**
- RM : Ya. Macam pelakon nama Eddy Esmira. Dia juga boleh naik di atas daun pisang. Di atas daun pisang pun dia juga boleh berjalan.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: FAKTOR PENENTANGAN TOK JANGGUT

- AI : **Tok Janggut ini dahulu, apakah yang menyebabkan dia mahu menentang British? Apakah menyebabkan dia marah sangat?**
- RM : Tok Janggut ini marah sangat sebab British ini zalim. Dia akan tangkap penduduk dan bawa pergi ke Burma.

- AI : **Apakah contoh-contoh kezaliman British?**
- RM : Kezaliman British ini lain sebab dia hendak cukai.
- AI : **Cukai apakah yang British kenakan?**
- RM : Cukai seperti beras. Penduduk bayar cukai jadi Tok Janggut yang membela diorang. Kalau Tok Janggut masih ada British akan takut hendak duduk dekat sini.
- AI : **Jadi, semua orang Kelantan dekat sini dikenakan cukai. Pada waktu itu, macam mana keadaan di Kelantan, mereka marah dan buat demonstrasi ke?**
- RM : Ada, demonstrasi macam berperang.
- AI : **Macam mana orang Kelantan ini, dia bayar cukai?**
- RM : Tidak kira apa, duit ke, ikut pendapatan macam padi. Sebab itu orang dahulu sembunyikan padi itu. Dia letak dalam *baluh* [peralatan masa dulu] dan selalu bertukar tempat.
- AI : **Pada waktu itu, semasa penentangan British. Ada tidak tokoh-tokoh orang yang sama-sama berjuang bersama Tok Janggut?**
- RM : Mungkin ada.
- AI : **Mungkin ada?**
- RM : Sebab pengikut dia ramai.

- AI : Dah tahukan, orang British ini tahu yang Tok Janggut ini, dia tentang British. Apakah tindakan British, macam mana dia membala balik? (Bunyi motor)
- RM : Kemungkinan masa itu British berbuat baik. Dia akan mencari ketua-ketua supaya membuat rundingan dan bawa balik ke negeri dia. Kalau menaiki kapal dia buat menyerong. Kapal yang dia naik itu akan turut menyerong. Jadi orang putih ini, macam perangai orang Melayu kita. Berbuat baik memang disuruh kalau tidak buat baik jadi ayat “amuk”. Kalau ayat amuk akan berlaku peperangan, tapi ayat amuk diguna pakai oleh orang putih. Tahu ke tidak ayat amuk itu apa. Amuk ini macam saya *mintak* [minta] dana. Kalau tidak lulus lepastu saya amuk. Saya buat besar-besaran macam hendak marah. Saya hendak menunjukkan kehebatan luar biasa tradisional ini dan boleh buat marah besar sebab minta tidak mahu memberi sedangkan dia ada dana. Orang yang memerlukan tidak dapat tetapi orang yang tidak memerlukan dapat.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: KISAH DI SEBALIK KEMATIAN TOK JANGGUT

- AI : Jadi Tok Janggut ini, semasa peperangan di Pasir Putih boleh ke tidak ceritakan sedikit macam mana peperangan di Pasir Putih ini berlaku?
- RM : Jepun serang Pasir Putih lepas itu penuh darah. Dia membunuh

orang lepas itu darah memercik kena tubuh dia, sebab ilmu dia itu.

AI : **Bagaimana boleh berlaku perang dekat Pasir Putih tersebut?**

RM : Pada masa itu, Tok Awang mengikat Tok Janggut dekat belakang rumah, masa itu susah. Selepas itu, dia selalu beri nasi setiap hari dekat belakang rumah.

AI : **Berapa lamakah peperangan di Pasir Putih?**

RM : Banyak hari juga tetapi selepas dia berperang, arwah Tok Ayah kita menyembunyikan dekat belakang rumah supaya tidak ada orang datang cari.

AI : **Macam mana keadaan pada masa itu?**

RM : Pada masa itu, orang putih mendapat tahu bahawa Tok Janggut mati jadi dia buat tidak tahu sahaja sambil berehat. Selepas itu, buat laporan dekat balai polis mengatakan yang meninggal itu Tok Janggut.

AI : **Kenapa berlakunya di Pasir Putih? Kenapa tidak berlaku di Machang ke, Tanah Merah ke perang itu?**

RM : Mungkin sebab dia hendak berperang dekat sana. Mungkin orang putih pada masa itu hendak berperang dekat sana, sudah pertemuan dekat situ hendak buat macam mana. Tok saya kan, semasa saya kecil dulu. Bila hendak pergi ke Kota Bharu akan menaiki kereta “moreh” iaitu kereta pada zaman itu. Kalau hendak pergi Kota Bharu

akan mengambil masa satu hari, pergi pagi, petang baru sampai sebab kereta dahulu bukan laju sangat tetapi Tok saya tidak pernah menaiki kenderaan, dia pergi ke Kota Bharu tidak sampai setengah jam sudah sampai. Dia sempat makan dan kenyang lagi. Orang dahulu mungkin sudah ada kenaikan dia, mungkin dia bersahabat dengan jin. Tetapi orang sekarang ini, kita bersahabat dengan kereta, ini minyak selepas itu bawa sendiri. Orang dahulu dia bersahabat dengan jin, mungkin jin Islam ke kafir ke kita tidak tahu la dengan siapa dia bersahabat dan berkawan. (bunyi kenderaan).

- AI : **Jadi Tok Janggut ini selalu berperang jadi orang anggap dia ini pahlawan?**
- RM : Ya. *Hero* [pahlawan] la. Orang Islam dan semua penduduk di kampung tersebut hanya merujuk kepada dia sahaja. Apa-apa dia lah ketuanya, dia tidak perlu berkerja pada waktu itu sebab dia lah pemimpinnya.
- AI : **Dia pemimpin masa itu?**
- RM : Ya. Mungkin dekat sini dia tetapi kalau dekat Kota Bharu orang lain, Pasir Putih orang lain macam itu la. Macam contoh dekat Pasir Mas dia ada raja (bunyi kenderaan). Di Kelantan ada semua kumpulan dia, kalau dekat tempat itu terjadi peperangan kawan-kawan di kampung lain akan datang.

- AI : **Saling bekerjasama?**
- RM : Saling bekerjasama (bunyi kenderaan). Ya orang serang Pasir Putih kumpulan dia akan datang tolong. Laju sahaja sudah macam itu. Dia ada semua, semua tempat ada kumpulannya. Kalau Pasir Mas pula ada, semua daerah pula ada. Dia sudah melantik yang duduk di dekat sini jadi ketua dekat sini begitulah di tempat lain. Dia tidak bekerja sangat dan selalu ada di rumah sahaja. Rumah orang dahulu dia banyak tanam padi jadi dekat sanalah dia tinggal, hanya orang kaya-kaya sahaja di situ.
- AI : **Jenis orang yang kaya-kaya juga la?**
- RM : Ya. Tok Janggut ini tinggal di rumah orang-orang kaya juga. Sebab orang dahulu ada tanah *lima puluh* [50] ekar, jadi dekat sanalah dia tinggal. Penduduk rasa selamat sahaja sebab semua duduk ronda-ronda. (bunyi kenderaan)
- AI : **Tok Janggut ini memang tidak duduk tetap ke?**
- RM : Ya, tidak duduk tetap. Kalau ada apa-apa berlaku kawan-kawan dia akan sampai. Dia sudah ada kumpulan-kumpulan dia, mungkin dia ada cara hendak berhubung dengan kawan-kawan dia sebab dia ada ilmu kebatinan, dia orang luar biasa.
- AI : **Kebatinan ke?**
- RM : Ya, ilmu yang tidak *lut* [kebal]. Semasa zaman saya kecil, Tok saya

sekali dengan Mat Kilau. Mat Kilau itu sepupu dia. Kalau hendak menumbuk sambal pada waktu itu dia hanya mengguna *telunjuk* [jari] sahaja sebab orang zaman dahulu ada ilmu. Contohnya, jika awak nikah dan rupa awak hodoh mata pula sebelah sahaja yang boleh melihat, mulut pun senget tapi dapat isteri yang comel. Bila hendak tidur dekat pun tidak boleh. Dia ada ilmu jadi dia hanya *menempuk* [tepuk] bantal dengan menggunakan tangan sahaja. Jadi isteri dia ikut cakap dia sampai sekarang. Orang zaman dahulu ini berbeza mereka tidak guna bomoh sebab tidak ada bomoh. Dia menggunakan ilmu sahaja.

- AI : **Agak-agak Tok Janggut ini dapat ilmu dekat mana? Dekat Siam ke?**
- RM : Mungkin dekat Siam. Kemungkinan juga daripada Hang Tuah sendiri sebab dia pon mungkin dari keturunan itu juga.
- AI : **Semua orang belajar ke?**
- RM : Ya, dia belajar la. Kemungkinan dia dari Raja Siam (Bunyi kenderaan). Raja Jembal ini bukan raja asal sangat sebab dia dilantik oleh raja besar. Raja asal yang sebenar ada dekat Melaka, macam Tok Guru Nik Aziz dia adalah Raja Jembal.
- AI : **Raja Jembal pernah bekerjasama ke tidak dengan Tok Janggut pergi berperang?**
- RM : Pernah berkerjasama. Raja Jembal ini orang panggil kumpulan

ulamak [orang alim agama]. Disebabkan itu, semasa orang berebut hendak gelaran raja dan sampai membunuh, terpaksa dia beri gelaran itu daripada terus membunuh, disebabkan orang tersebut taksub sangat dengan gelaran Raja dia pun beri sahaja. Raja tersebut asalnya ada *tujuh* [7] orang adik-beradik (bunyi kenderaan). Dia kalah ketika berperang dengan Siam, Thailand. Jadi dia datang ke Kelantan dan Terengganu sebab tempat lama sudah tidak ada kerana sudah dapat dekat orang lain. Sekarang dia akan mempertahankan Kelantan dan Terengganu. Saya tidak boleh hendak berceritakan semuanya sebab tidak ingat benda ini sudah lama tapi jika atuk saya masih hidup dia boleh ceritakan dari A sampai Z.

- AI : **Tok Janggut ini dahulu, dia pernah ke tidak masuk mahkamah kena tangkap oleh British? Ke tidak pernah kena tangkap?**
- RM : Semasa tentera British hendak datang seramai *empat puluh* [40] orang pun dia sudah tahu tentera British mahu serang.

- AI : **Hebat la. Kalau sudah boleh tahu, boleh ramal?**
- RM : Ya, sebab dia sudah boleh ramal masa itu. Semasa *empat puluh* [40] hari hendak meninggal dia sudah tahu siap dengan hari lagi, hari apa dia akan mati.

- AI : **Orang ini berilmu tinggi?**
- RM : Ya, ilmu tinggi.

AI : **Tetapi semasa kerajaan British ini datang ke sini. Kenapa dia hendak mengutip cukai? Sebab pendapatan ke apa? Ke hendak monopoli?**

RM : Kemungkinan dia hendak monopoli. Kalau hendak makan kena monopoli.

AI : **Pada masa itu bukan Kelantan sahaja? Negeri lain pun ada juga ke?**

RM : Ya, bukan Kelantan sahaja. Negeri lain pun ada sebab itu negara kita dijajah. Walaupun kita sudah merdeka sekarang, sebenarnya kita masih belum merdeka lagi. Siapa kata merdeka sebab merdeka dengan surat perjanjian. Kita belum merdeka lagi. Lihat bahasa Malaysia kita itu bahasa Melayu dan digunakan pakai oleh *WHO* [World Health Organization]. Jadi walau apa pun hendak lakukan kena *mintak* [minta] dengan dia [WHO]. Kalau tidak minta dengan dia, kita kena tanya keputusan mahkamah baru boleh guna.

AI : **Pada masa itu, selain daripada Kelantan. Negeri apakah yang dijajah oleh British selain Kelantan?**

RM : Kelantan, Terengganu, pantai timur pun dia jajah juga.

AI : **Pantai timur ini orang kata kaya dengan sumber-sumber kayu?**

RM : Masa zaman dahulu, banyak sumber emas. Pada masa itu juga tentera jepun berada dekat Gua Musang. Kubu tentera jepun dekat

sana dan kelengkapan pun lengkap itu menggali emas. Helikopter pun sudah ada pada zaman tersebut. Negara kita dijajah selama *empat ratus* [400] tahun lebih, banyak hasil sudah habis. (bunyi kenderaan)

- AI : **Dekat Kelantan ini, apakah hasil utama dia? Pertanian ke?**
- RM : Emas pada masa itu. Emas timbul di atas permukaan bumi macam itu sahaja, perlu menggali sedikit sudah jumpa emas. Dalam sungai pun ada emas tetapi bila semakin lama emas tersebut akan tenggelam dan masuk ke dalam bumi selama *satu* [1] tahun emas tersebut akan tenggelam sebanyak *satu* [1] kaki. Sekarang emas tersebut mungkin sedalam *dua ribu* [2000] kaki. Emas akan naik dan akan turun tetapi kalau tempat tinggi mungkin sedalam *seribu setengah* [1500] kaki pada dahulu itu dipanggil lubuk emas.
- AI : **Sebelum orang British ini datang, apakah bentuk-bentuk pemerintahan pada zaman itu sebelum British datang sebelum cukai diperkenakan masa itu? Kelantan hidup macam mana?**
- RM : Hidup dengan sistem beraja. Bayar cukai macam itu sahaja tetapi penduduk tidak kisah sangat sebab raja dia yang asal melayu lagi pun pemerintahan pun adalah orang alim *ulamak* [alim agama] parlimen-parlimen pun orang alim *ulamak* [alim agama].
- AI : **Jadi aman damai la masa itu?**
- RM : Betul, aman la.

- AI : **Jadi selepas British datang dia mengubah semua?**
- RM : Ya. Semua dia ubah.
- AI : **Jadi dia la *kepala* [ketua] dekat Kelantan ini?**
- RM : Ya. Dia la *kepala* [ketua] dekat sini. Macam kita kata Sultan Muluk Merah, dia itu adalah keturunan daripada Nabi Muhammad.
- AI : **Jadi, masa itu bila British datang raja-raja tidak boleh buat apa-apa?**
- RM : Betul, raja tidak boleh berbuat apa-apa.
- AI : **Kenapa raja zaman dahulu tidak boleh membuat apa-apa sebab takut ke?**
- RM : Ya, sebab takut tetapi perang waktu itu hanya mahu membunuh sahaja. Oleh sebab itu, ilmu persilatan semasa saya budak-budak banyak sahaja. Tetapi sekarang sudah kurang, semua tenggelam ke arah kemodenan.
- AI : **Punca-punca penentangan pada masa itu, politik dekat Kelantan macam mana?**
- RM : Dulu mana ada lagi politik. Politik wujud adalah ketika zaman pemerintahan Tun Razak. Selepas itu Tun Razak pernah datang ke Kelantan untuk parti UMNO [United Malay National Organization] hanya datang untuk mengenalkan parti UMNO [United Malay

National Organization].

- AI : **Dahulu memang menggunakan sistem beraja?**
- RM : Ya, sistem beraja. Selepas itu ketika zaman Tun Razak dia lah yang mengembangkan parti-parti UMNO [United Malay National Organization].
- AI : **Pada masa itu, sistem apakah yang dia ubah ketika zaman British?**
- RM : Dahulu ada lulusan undang-undang dewan bahasa perpustakaan yang asal. Sistem raja-raja kita ada sistem undang-undang tetapi undang-undang dewan bahasa pustaka. Sekarang sudah dibaiki dan di ambil alih semasa merdeka, dan meletakkan di bawah dia. Dia juga memegang semua sistem undang-undang.
- AI : **Jadi perubahan yang dibawa oleh orang British memang penduduk tidak puas hati?**
- RM : Ya, memang tidak berpuas hati sampai sekarang ini.
- AI : **Sekarang pun masih melekat lagi perubahan sistem yang dia buat?**
- RM : Kita tidak merdeka lagi, lihat Bahasa Malaysia WHO [World Health Organization] yang mengawal bahasa Malaysia. Apa lagi pokok kayu sama juga dia kawal juga sebab itu nama saintifik dia (bunyi kenderaan). Kalau guna nama saintifik dia sebab undang-undang dia macam itu. Sepatutnya semua ini milik kita dan pokok herba ini hak

milik Malaysia dan kita boleh menuntut dengan British supaya pokok herba ini bebas. Disebabkan itu, kita tidak boleh membuat ubat sebab semua ini dibawah biro farmasi dan farmasi yang mengawal sebab dia hak milik WHO [World Health Organization]. WHO [World Health Organization] itu adalah orang Yahudi bawah dia.

- AI : **Jadi boleh tidak Encik Roslan menceritidakan sedikit tentang sistem cukai daripada zaman British dahulu?**
- RM : Tidak ingat, sebab saya pun dengar cerita daripada orang juga masa itu. Pada masa itu, semua kena bayar cukai tetapi mengikut pendapatan masing-masing.
- AI : **Pendapatan masing-masing macam mana itu?**
- RM : Macam contoh dia menanam padi, jadi dia perlu bayar cukai dengan padi.
- AI : **Semasa bayar cukai tersebut sebab utama dia adalah untuk ekonomi?**
- RM : Betul itu, untuk ekonomi sebab itu dia datang menentang.
- AI : **Dekat mana dia membayar cukai pada masa itu?**
- RM : Dia ada di setiap daerah, kemungkinan di Kuala Krai, tempat yang mempunyai sungai dan pengkalan. Contoh, semasa saya kecil-kecil hendak membeli budu. Saya hanya pergi beli dekat sungai sahaja

sebab waktu itu jalan tidak ada lagi, sekolah dulu pun hanya menggunakan atap nipah, sekolah pun sekolah kayu. Orang dahulu pun boleh pergi mengajar sebab tidak ada sekolah tetapi kena berbuat baik.

AI : **Pada masa itu, British ada juga ke membuat sekolah?**

RM : Ada.

AI : **Sekolah British dekat mana? Dekat sini ada ke?**

RM : Ada. Kemungkinan sebab dia hendak memujuk orang dahulu. Kalau tidak memujuk dia akan amuk. Bila dia dah amuk tidak kira la siapa yang akan mati kalau sudah mengamuk. Sekarang orang putih menggunakan ayat amuk dengan memasukkan peluru ke dalam senapang dan membunuh orang. Jika seorang yang mati, *lima puluh* [50] orang dia akan bunuh, membunuh menggunakan bom. Ayat amuk orang putih ambil dia guna. Amuk juga diguna pakai di dalam perang dengan meletakkan bom di badan, dia tidak kisah bila ada orang yang akan mati nanti. Tetapi bila seorang mati *lima puluh* [50] orang yang akan kena, ini diguna pakai oleh orang yahudi, dan tidak sama dengan orang kita. Amuk dia tidak kira bila masa perang ke tetapi dia rela mati bila dia sudah membunuh seorang pun. (Bunyi kenderaan) Tetapi orang putih mengambil alih dan digunakan oleh dia. Sekarang, orang Yahudi berperang dengan menggunakan ayat amuk ini. Dia akan meletakkan bom dan membunuh orang ramai dekat dengan negara kita. Maksudnya, orang mesti mati semua.

- AI : **Jadi bila orang dahulu dia tidak membayar cukai dekat British, apakah British lakukan, bunuh ke seksa ke?**
- RM : Bunuh dan seksa sekali.
- AI : **Pada masa itu, dia membunuh dan menyeksa depan orang ramai ke apa?**
- RM : Bergantung kepada ketua dia sama ada hendak melakukan macam mana.
- AI : **Mengikut ketua dia ke?**
- RM : Ya, mengikut ketua dia. Kalau tidak mahu mengikut dia akan mati, atau pun dia lantik orang untuk menjaga emas apabila dia hendak keluar, dia akan membunuh. Tidak mahu nanti ada yang masuk sebab penjaga dia orang melayu. Jika dia hendak keluar dia akan membunuh semua, sebagai contoh dekat Bukit Cina pun berperang juga.
- AI : **Bukit Cina dekat mana?**
- RM : Dekat kem Bukit Cina, sebab adalah pejabat orang British dulu, tempat British. Tetapi orang dulu dia pun masuk juga hendak mencari dan ada jaga yang terkena bom disebabkan mahu mencari harta karun. Harta yang dia rampas.

- AI : **Pada masa itu, British dekat Machang ini macam mana, Tok Janggut dia mempengaruhi orang dekat sini supaya melawan British ini ke?**
- RM : Dia mesti sudah ada cara-cara hendak melawan macam mana.
- AI : **Dia berdakwah ke macam mana?**
- RM : Bila lihat pendakwah pun, sebab kumpulan dia ramai. Tetapi semua takut kepada Tok Janggut sahaja, dengan Mat Kilau. Habis itu tidak akan dia mahu menjaga Mat Kilau, Pahang, Terengganu sahaja sebab semua ramai berkumpulan lagi.
- AI : **Jadi pada itu, semua memang bersatu menentang?**
- RM : Ya, dia bersatu.
- AI : **Jadi orang kata selepas berperang dekat Pasir Putih, orang mengatakan bahawa Tok Janggut ini meninggal. Jadi sebenarnya, apakah yang berlaku selepas peperangan dia Pasir Putih ini?**
- RM : Selepas dia berperang dekat Pasir Putih dia balik ke sini.
- AI : **Semasa dia balik itu Tok Janggut ada cedera dekat mana-mana ke?**
- RM : Tidak ada cedera pun. Tetapi darah memenuhi badan dia selepas itu arwah Tok saya mengikat dia dekat belakang rumah bimbang nanti

takut Tok Janggut lari. Dia juga takut Tok Janggut lari hilang sebab itu dia mengikat Tok Janggut tersebut, disebabkan darah orang banyak terkena dekat tubuh dia. Banyak hari dia menjaga Tok Janggut selepas itu baru dia lepaskan. Dia ada menyediakan makanan untuk Tok Janggut. Semasa dia menyembunyikan Tok Janggut, ada seekor gajah yang menjaga dia (bunyi kenderaan). Bila ada apa-apa orang hendak datang ke, gajah akan datang mengiringi dia.

AI : **Orang mengatakan bahawa Tok Janggut ini meninggal. Jadi siapa yang sebenarnya meninggal dekat Pasir Putih yang orang mengatakan bahawa itu Tok Janggut?**

RM : Itu Deraman.

AI : **Deraman itu siapa?**

RM : Deraman itu adik dia. Adik, orang zaman dahulu, maknanya adik sepupu, adik angkat ke. Dia akan panggil adik. Macam kita juga, ada Hang Tuah, Hang Lekir, Hang Lekiu, macam itu juga orang memanggil adik-beradik, tambahan lagi dia itu adik.

AI : **Semasa itu, ramai ke tidak orang yang mati dekat Pasir Putih?**

RM : Ramai yang mati tetapi bila mereka bunuh ketua itu sudah dianggap selesai. Tetapi sebab Tok Janggut sudah tua dia buat biasa-biasa sahaja, boleh pergi mengajar sana sini lagi.

- AI : **Apakah kesan peperangan tersebut dekat orang ramai, gembira ke?**
- RM : Semua orang hanya mahu Tok Janggut sahaja.
- AI : **Semua ingat Tok Janggut yang mati ke?**
- RM : Ya, semua ingat Tok Janggut yang mati.
- AI : **Selepas itu, mayat tersebut dibawa oleh British dan digantung songsang?**
- RM : Ya, digantung songsang.
- AI : **Jadi orang mengatakan mayat Tok Janggut ini digantung songsang, berapa lama mayat Deraman kena gantung?**
- RM : Dia gantung sampai habis dia melawat [pusing] kampung tersebut.
- AI : **Kawasan-kawasan dia membuat perarakan?**
- RM : Kemungkinan dia membuat perarakan dekat kawasan Pasir Putih dan Kota Bharu. Jadi yang mengatakan Tok Janggut ini mati dengar yang Tok Janggut mati, kumpulan-kumpulan yang mendengar berita tersebut pun berpecah. Mat Kilau pun menghilangkan diri dan balik ke Pahang. Ya, Mat Kilau itu satu kumpulan dengan Tok Janggut iaitu sebab Tok Janggut ini di peringkat orang tua-tua tetapi dia yang mengetuai kalau berperang.

- AI : **Ada tidak saksi atau bukti yang mengatakan bahawa bukan Tok Janggut yang mati kena gantung itu?**
- RM : Ada la bukti.
- AI : **Saksi?**
- RM : Dia ada bukti barang dia gunakan pedang uthmaniyyah yang panjang.
- AI : **Pedang tersebut ada dekat mana sekarang?**
- RM : Pedang itu ada dekat orang supaya simpan elok-elok. Sekarang yang memegang baru sahaja meninggal.
- AI : **Dia orang mana?**
- RM : Orang dekat sini la, yang menyimpan pisau tersebut anak saudara kita juga. Tetapi kalau peringkat tua dahulu lagi sudah boleh mengambil tetapi tidak ada yang mahu keluarkan duit.
- AI : **Tidak mahu keluarkan duit macam mana?**
- RM : Sepatutnya, kita sudah keluarkan wang *sepuluh* [10] ribu atau *dua puluh* [20] ribu dan beli pisau itu dan letak dalam muzium terus tapi sekarang hendak beli untuk apa sebab tidak ada nilai sudah. Semasa keluar barang dia dalam sejarah bukti kes, semua isi borang seluruh Kelantan ini termasuk *ulamak* [alim agama], tok guru, ustaz, semua kena isi borang yang tebal dan hantar kepada Sultan supaya buangkan kaki tergantung itu (bunyi kenderaan). Jadi orang yang

datang ke negara kita orang Melayu dan orang Islam sedangkan serambi Mekah duduk dekat Kelantan, mereka datang untuk melihat tali kepala ke bawah dekat Pasir Putih. Dimana kehebatan orang Islam, kita sepatutnya buang lambang itu. Kalau hendak buang lambang itu, bawa ke mahkamah supaya mahkamah membebaskan, tidak perlu la kita pergi ke British sedangkan dia tidak datang sudah. Dia perlu berbincang di dalam mahkamah jika memang boleh la buang. Contoh, saya perubatan tradisional yang dijaga oleh biro farmasi yang dijaga oleh WHO [World Health Organization]. Jika saya berperang dengan dia semua ini sudah bebas Malaysia kalau hendak buat ubat pun tidak ada siapa ganggu lagi, dia tidak akan datang lagi. Sedangkan saman kes ini bawa ke mahkamah persekutuan dan bawa ke mahkamah agung jadi dia akan takut kalau kita panggil perubatan tradisional daripada Jerman dan kita pegang buku undang-undang Jerman bawa masuk ke sini.

AI : **Jadi semasa Tok Janggut orang mengatakan dan melihat dia tergantung, apakah perasaan orang Kelantan masa itu?**

RM : Mestilah marah, tetapi kita tidak boleh hendak buat macam mana sebab dia ada senapang. Kalau ketua mati, kuncu-kuncu pun turut dikira mati semua biarpun tidak mati.

AI : **Pada masa itu, tidak ada sesiapa yang mengetahui ke yang itu bukan Tok Janggut?**

RM : Tidak ada sesiapa pun yang mengetahui lagi.

- AI : **Kiranya, orang yang mengetahui adalah orang yang terdekat sahaja?**
- RM : Ya, orang terdekat di sekitar sini sahaja.
- AI : **Selepas peperangan dekat Pasir Putih itu, apakah yang dia lakukan di tempat itu sepanjang hayat hidup beliau?**
- RM : Dia duduk dekat sini sampai tua. Dia duduk mengajar tapi ramai anak murid dia dulu sudah mati, banyak keturunan sudah umur *seratus* [100], *Sembilan puluh* [90] atau *tujuh puluh* [70] tahun semua sudah mati yang tinggal hanya peringkat baru sahaja. Masih boleh digunakan lagi tetapi perlulah mencari ahli *ulamak* [alim agama] yang ramai supaya bawa masuk mahkamah dan dia putuskan sama ada kes ini dibuang atau tidak.
- AI : **Semasa Tok Janggut dekat sini menghabiskan saki baki hidup, siapakah yang menjaga beliau?**
- RM : Ada orang jaga dia, arwah Awang bin Endut.
- AI : **Itu arwah tok Encik Roslan ke?**
- RM : Ya, arwah tok saya la itu. Awang bin Endut ini dan seorang lagi yang menjaga beliau. Dia ini dahulu orang memanggil hulu balang raja. Orang panggil Sultan Muluk Merah kalau raja hendak turun berperang pun dia bawa turun.

AI : **Jadi masa itu, sebelum dia sakit, orang British ada ke tidak datang mencari?**

RM : Tidak ada.

AI : **Pada masa itu, memang orang British gembira la sebab mengetahui Tok Janggut yang sudah mati?**

RM : Hmm (mengangguk).

AI : **Ada ke tidak apa-apa saki baki peninggalan dia dekat sini?**

RM : Peninggalan dia adalah ayat-ayat perang.

AI : **Apakah kaitan dengan Kota Simpul Berlubang?**

RM : Kota anak raja Sultan Muluk Merah, dia datang ke sini. Sultan Muluk Merah duduk dekat Kota Bharu, dekat sini ada Kota anak-anak Sultan Muluk Merah itu la, Muslimah ke apa itu, dialah yang menjaga Kota tersebut. Pasir Putih pun ada kota juga sebab kota raja ini banyak.

AI : **Antaranya, dekat mana lagi kota-kota raja?**

RM : Kalau dahulu banyak raja yang ini raja dekat kampung-kampung yang ini kumpulan dia selepas itu, di Kelantan dipenuhi dengan raja-raja pada masa itu semua bersatu. Contohnya, Raja Ismail bukan raja asal. Raja asal ialah raja buluh betung yang mana mula dengan Wan dan Nik. Raja daulat ini Raja Jembal, Raja yang berasal dari orang

alim *ulamak* [alim agama] iaitu orang yang ilmu tinggi disebabkan itu keberkatan raja tidak ada.

AI : **Daulat tidak ada raja sahaja ke?**

RM : Daulat tidak ada cuma raja sahaja yang ada.

AI : **Pada usia berapakah Tok Janggut mati?**

RM : Pada masa itu, kita tidak ada lagi. Ayah kita yang ada (bunyi kenderaan).

AI : **Anggaran umur berapakah?**

RM : Lebih kurang dalam 90 tahun lebih, ayah saya muda lagi masa itu. Tok Janggut selalu berzikir dengan menggunakan batu kecil tapi *satu* [1] biji batu kecil tersebut akan bertukar menjadi seekor lebah. Bila dia membaling batu kecil dia akan bertukar menjadi lebah. Selain itu, pasir pon boleh bertukar menjadi lebah dan menyengat orang ketika perang, kemungkinan lebah tersebut hasil daripada ilmu yang dia belajar. Batu kecil yang menjadi tebuan tersebut dia berkemungkinan daripada jelmaan jin.

AI : **Benda lain?**

RM : Kemungkinan itu jin Islam sebab kita tidak boleh melihat tetapi jika kita beramat mungkin boleh melihat jin dan bersahabat dengan jin. Kemungkinan batu yang dia berzikir itu ilmu yang dia gunakan bila kita lihat hanyalah pasir. Apabila Tok Janggut membunuh orang

selepas itu dia tidak berperang lagi, jadi dia akan mengambil pisau dan baling dan pisau itu tadi akan berperang dengan sendiri, dia pula akan duduk bersila sambil berzikir.

- AI : **Adakah pisau itu hanya membunuh orang-orang jahat sahaja?**
- RM : Ya, hanya membunuh orang jahat sahaja yang tidak dapat hendak lihat. Kemungkinan dia menggunakan ayat Saidina Ali. Contoh, Saidina Ali hendak membunuh orang dan ada beribu orang. Contoh, dia mahu membunuh Yusof yang berada dekat Kota Bharu, dia boleh membunuh macam itu sahaja tanpa orang yang berada di depan Yusof tidak kena apa-apa dan tanpa perlu dia pergi ke Kota Bharu. Setiap besi ada ayat-ayat tersendiri, lagi pula besi adalah umat Nabi Muhammad juga. Orang yang pandai-pandai dia boleh mengulit besi itu. Antara manusia dengan besi lebih besi dan besi tidak boleh makan umat Nabi Muhammad, kerana dia sudah ada makanan tersendiri. Antara contoh, dia mahu meletidakkan ayat qulhuAllah dekat pedang jadi dia perlu berzikir sebanyak mana dia yang diperlukan.

- AI : **Dahulu dia sakit tua? Berapa lamakah dia sakit tua?**
- RM : Sekejap sahaja. Disebabkan arwah tok saya adalah anak murid dia. Atuk saya umur dia juga tidak panjang tetapi mereka boleh mengetahui bila dia akan mati. Orang dahulu tidak seperti orang sekarnng. Dahulu hendak mati beberapa hari bulan sudah tahu, sebabkan dia beramat, mungkin ketika hendak mati dia boleh melihat

gajah, kemungkinan gajah. Datang tersebut adalah malaikat. Malaikat yang menyerupai gajah dan kemungkinan juga jika *tujuh* [7] ekor gajah datang lagi *tujuh* [7] hari dia hendak mati. Macam itu juga, mungkin dia ada tanda-tanda hendak mati, dia dapat mengetahui sebab amalan yang dia lakukan.

AI : **Kiranya Tok Janggut dikebumikan dekat sini?**

RM : Ya, dekat sini.

AI : **Siapakah yang menguruskan pengebumian dia?**

RM : Tok Imam yang tinggal dekat sini yang menguruskan. Pada masa itu, Tok Imam muda lagi, baru menjadi Tok Imam dekat sini. Semasa saya lahir, Tok Imam tersebut sudah ada, tetapi sekarang semuanya baharu sahaja meninggal dunia.

AI : **Kubur itu ada orang yang menjaga ke tidak?**

RM : Tidak ada orang menjaga sebab kubur lama. Sekarang sudah ada kubur baru. Kubur lama dekat tempat lain dan tidak ada jalan lagi dan kubur lama hanya dikhaskan untuk orang yang sudah lama mati.

AI : **Mungkin ramai yang tidak tahu?**

RM : Ya, lagi pula kubur itu dikhaskan untuk orang zaman dahulu.

AI : **Kiranya kubur itu memang diasingkan?**

RM : Hanya untuk orang-orang dekat kawasan itu sahaja yang mati.

Selepas merdeka, kubur telah dibina di tempat baru, kubur yang lama tidak digunakan lagi.

AI : **Ada ke tidak dikaitkan dengan unsur-unsur mistik dan datang untuk memuja ke macam mana?**

RM : Tidak ada. Sesiapa yang mengetahui dimana keberadaan kubur itu sekarang, hanya akan membuka bila arwah tok yang membuka, kalau tidak sesiapa pun tidak mengetahui.

AI : **Cerita tentang cara-cara dia meninggal, Encik Roslan merujuk dengan siapa, atuk Encik Roslan ke?**

RM : Ya, atuk. Pada masa itu, Tok Imam bagi tahu tentang cerita ini. Selepas itu, saya tolong sampaikan sahaja sama seperti awak datang ke sini.

AI : **Ya, selepas itu, kita yang mewariskan pula, bagi cerita ini berkembang. Orang kaji sejarah tidak mengeluarkan duit?**

RM : Ya, wariskan bagi berkembang. Masih ada bukti kewujudan pisau dia tetapi pihak muzium tidak mahu keluarkan macam mana hendak dijadikan kes, itu yang silapnya. Selepas itu, bila orang yang tahu susah sudah sekarang sebab benda itu tidak berharga.

AI : **Apakah peninggalan Tok Janggut selepas dia meninggal?**

Barang atau baju, ada ke?

RM : Barang-barang perang ada semua tetapi ada dekat kawan yang seorang lagi. Semasa perang itu ada simpan.

AI : **Ada simpan. Simpan dekat mana barang itu?**

RM : Ada dekat sini, dekat anak Awang bin Endut. Tetapi dia sudah mati sekarang, ada dekat anak-anak dia pula yang simpan. Benda tersebut selalu bertukar-tukar tempat jadi susah hendak mencari. Jika ada orang tahu dia akan bawa lari lagi barang tersebut. Kalau saya pun saya bawa lari juga. Pisau itu kan susah hendak dapat *seratus* [100] tahun seabad, kalau pisau itu *tiga ratus* [300] tahun kita boleh jadi sekarang *tiga* [3] abad. Apa sahaja kehendak kita bukan untuk kejahatan tetapi hanya keinginan kita. Pisau itu membuatkan murah rezeki, macam mana orang hendak jualkan. Kalau mudah hari ini, boleh pergi beli tetapi semua ini susah sebab sejarah tidak mahu mengeluarkan peruntukan dia tidak mahu membeli. Jadi rasa sayang sebab pada masa itu, saya pun tidak ada duit. Peringkat baru hendak berubat, hanya cukup untuk makan sahaja, sebelum menjadi senang. Kalau saya tidak cakap semua ini boleh masuk muzium Islam Kuala Lumpur, benda ini boleh ada.

AI : **Macam-macam?**

RM : Macam-macam. Baru dapat menjadi bukti kes tetapi semua disebabkan duit.

- AI : **Sebab duit sahaja, tidak mahu keluarkan duit?**
- RM : Ya, sebab tidak mahu keluarkan duit.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: USAHA MEMBETULKAN SEJARAH KEMATIAN TOK JANGGUT

- AI : **Jadi pada pendapat Encik Roslan, semua ini fakta tentang Tok Janggut orang sudah salah ertikan. Semua orang sudah mengatakan sama seperti kami ini, ingatkan Tok Janggut mati kena gantung tetapi bukan. Jadi pada pandangan Encik Roslan, apa puncanya tersebar sejarah palsu tentang Tok Janggut ini mesti puncanya pada zaman dahulukan?**
- RM : Ya, kumpulan dia ini berasal dari mana. Asal sebenar dekat mana. Kemungkinan berasal dari Jamil datang dan mengembangkan Islam sambil mengembara mengembangkan dakwah islam ini. Sebab dia ada ilmu jadi orang ramai mahu menetap dekat sana. Sama seperti kita pergi ke kampung lain, kita ini pandai kuat beriman jadi kalau pergi mana mana tempat pula jadi senang. Jika orang kampung itu mahu melantik dan menjadi imam pun boleh. Bila sudah berurusan, dia akan jodohkan anak dia dengan tok imam itu. Sekarang pun sama, orang tua tua kata saya hendak jadikan anak menantu.

- AI : Encik Roslan rasa apa yang orang percaya tentang kematian Tok Janggut ini?
- RM : Orang Melayu kita memang tidak percaya, semua dia tidak percaya. Dia hanya percaya dengan orang yang mempunyai ilmu. Arwah tok saya ini, adik kepada dia Awang bin Endut ini, kalau Jepun hendak datang dekat sini, tangga kayu yang berat dia boleh naik macam itu sahaja, gunung pun boleh jatuh, pistol pun dia boleh bawa. Jepun ada dekat Padang Ikas dan Geluh Gagah sekarang sudah jadi lapangan terbang. Tentera Jepun mempunyai senjata biasa biasa sahaja tetapi mereka baik dengan British. Jepun dengan British berbuat baik dengan Tok Janggut kerana dia takut British menganggu dia buat kerja. Dia boleh ambil pistol malam malam, lagipun dia boleh menghilangkan diri orang tidak nampak.
- AI : Jadi pada pandangan Encik Roslan juga, macam mana cara untuk orang Malaysia atau orang sekarang hendak mengetahui kisah sebenar tentang Tok Janggut?
- RM : Kisah sebenar orang alim *ulamak* [alim agama], qori, pengarang kitab negeri Kelantan semua sudah meninggal dan *ghaib* [hilang].
- AI : Macam mana cara untuk sebarkan?
- RM : Hendak sebarkan benda ini boleh tetapi kena menggunakan orang yang mengetahui sahaja. Lagi pula, raja sudah tidak mahu ambil tahu lagi.

- AI : **Sebab sudah lama ke apa?**
- RM : Raja raja sepatutnya boleh memerintah Kelantan tetapi rasa tidak mahu, hanya mendiamkan diri sahaja.
- AI : **Kenapa agak agaknya macam itu?**
- RM : Tidak tahu. Sepatutnya dia yang memerintah negeri Kelantan, dia ketua Kelantan, dia adalah raja jadi dia boleh menggunakan kuasa dia, tetapi kenapa dia tidak menggunakan kuasa dia lagi pula ini negara dia. Mungkin juga disebabkan masalah duit masuk. Kita sebagai rakyat sahaja yang sibuk untuk membuatnya tetapi pihak atasan berbuat tidak endah sahaja. Antara contoh la, kita mahu menjadikan perubatan ini sebagai perubatan tradisional, tetapi negara kita masih menggunakan ubat dan bahan kimia dan dadah lagi dan dia tidak menggunakan perubatan seperti Nabi Musa. Nabi Musa ini dahulu dia menggunakan perubatan alternatif seperti herba, tetapi kenapa kita tidak mengikutinya?
- AI : **Jadi, apakah usaha usaha hendak membetulkan balik sejarah Tok Janggut ini khususnya untuk mendidik generasi baru?**
- RM : Tidak boleh berbuat apa apa lagi. Orang kaji sejarah sudah menyiapkan semua buku buku sejarah tetapi masih menyerahkan kepada sultan semua sedangkan semua sudah siap, dengan campur tangan muzium perang sekali, semua sudah cukup.

- AI : **Memang sudah ada kerjasama sekali dah?**
- RM : Ya, memang sudah ada kerjasama sekali dah. Selepas itu, pihak atasan lah pula yang ambil tindakan.
- AI : **Memang sudah ada lah sebelum ni ya?**
- RM : Ya, memang sudah ada sebelum ini, dekat muzium perang itu. Kalau pergi ke muzium perang, awak boleh lihat buku dia tetapi mungkin rahsia. Kalau di Kota Bharu, muzium perang tersebut ada di tepi sungai itu, benda itu sudah berkumpul dekat sana. Siapa yang hendak membawa pergi hantar kepada tuanku, selepas itu siapakah yang akan masuk ke sana. Orang sekarang sudah malas mendatangkan hasil.
- AI : **Jadi sebelum in sudah ada ke orang yang datang temu bual dengan Encik Roslan untuk mengetahui tentang cerita ini?**
- RM : Ada la, kenapa pula tidak ada. Pihak muzium perang pernah datang dan saya pernah kena panggil ke Kota Bharu, masa itu semua masih hidup, bukan hanya saya sahaja, tok imam yang menggali kubur pun ada sekali tapi semua itu tidak berjaya sampai sekarang
- AI : **Berapa lamakah agak agaknya?**
- RM : Banyak tahun dah, sampai semua sudah mati seperti Tok Imam. Kedua dua Tok Imam pun sudah mati. Semua sudah mati. Tinggal peringkat yang muda sahaja. Lama sudah tidak peduli jadi semua orang sudah tidak ingat. Jadi semasa semua ada, saya tidak perlu

karang cerita lagi sebab semua sudah ada di muzium perang tetapi semua itu tidak menjadi, hanya untuk belajar macam itu sahaja. Jadi, jika pihak sekolah membuat kajian pun sudah tidak ada faedah dan tidak mendatangkan hasil, tidak dapat apa apa.

AI : **Disebabkan bila sampai ke peringkat atasan, jadi tidak lepas atau tidak lulus?**

RM : Ya, tidak lepas. Lebih baik kita mencari benda yang berfaedah untuk kita hidup sekarang seperti herba ke pemakaian ke membuat produk ke baru ada keuntungan. Tetapi kalau hanya membuat kajian seperti itu, kita tidak akan kemana mana.

AI : **Selain daripada orang orang muzium datang ke sini, ada ke tidak budak budak universiti datang ke sini untuk temu bual?**

RM : Ada, tapi kita hanya buat dekat muzium sahaja.

AI : **Pihak muzium pernah panggil Encik Roslan?**

RM : Ya, panggil pergi buat sekali dengan semua orang. Pengarang yang membuat kitab pun datang sekali.

AI : **Tentang Encik Roslan dengan ustaz Abdullah al Qori, macam mana boleh berjumpa dan macam mana boleh berkongsi cerita?**

RM : Dia sudah mengetahui, dia sudah menyelidik. Kita sembunyikan pun dia boleh mengenal sebab dia orang yang berilmu tinggi, dia kan pengarang kitab. Dia boleh menulis dengan menggunakan tangan

sahaja, dan boleh ingat berapa juzuk ayat semua sudah ada dalam kepala dia. Dia kan seorang pengarang kitab di Kelantan.

- AI : **Abdullah al Qori itu pernah bekerjasama dengan cik Roslan ke?**
- RM : Ya, pernah bekerjasama *satu* [1] kali itu untuk menyiapkan benda ini. Hendak membuat satu-satu dalam masa *satu* [1] minggu sekali, *dua* [2] hari *satu* [1] kali, atau *tiga* [3] hari *satu* [1] kali, kita akan berhimpun untuk menyiapkan kerja ini satu-satu.
- AI : **Apakah kaitan Abdullah al Qori, Encik Roslan, dengan buku yang beliau buat?**
- RM : Tidak ada apa-apa, hanya untuk membuat ayat dalam buku itu sahaja.
- AI : **Pada tahun bilakah Encik Roslan buat itu?**
- RM : Tahun berapa sudah tidak ingat lagi. Pernah menulis tapi tidak ingat pada tahun berapa.
- AI : **Apa lagi kerjasama yang orang Kelantan ni, pernah buat cerita pasal Tok Janggut?**
- RM : Menyebar macam itu sahaja. Pernah keluarkan dulu dalam surat khabar *satu* [1] kali. Selepas itu tidak ada lagi. Itu sahaja hendak memberi tahu jika orang hendak baca boleh baca kalau tidak mahu baca tidak ada masalah.

- AI : **Agaknya cara lain untuk menyebarkan cerita ini, ada ke tidak cara cara lain. Mungkin dengan Facebook ke?**
- RM : Facebook mana ada, lagi pula tidak ada orang mahu percaya. Tidak ada bukti kes yang ditanda tangani oleh tuanku sendiri untuk mengesahkan baru betul. Sama seperti awak, selalunya tandatangan mesti dilakukan oleh majikan awak sendiri baru betul. Sama juga dengan kes ini sebab tidak ada bukti kuasa yang mengesahkan.
- AI : **Tidak ada bukti kuasa?**
- RM : Ya, tidak ada bukti kuasa. Dalam kes ini, kalau hendak membuang benda ini kena pergi ke mahkamah selepas itu pergi ke mahkamah agung, dan seterusnya mahkamah akan menyiarkan dan menyampaikan.
- AI : **Sebab melibatkan sejarah?**
- RM : Ya, disebabkan itu, perlulah memahami kalau sejarah itu keluar disebabkan tidak masuk duit, sebaiknya cari projek itu.
- AI : **Encik Roslan rasa, siapa yang ada potensi untuk mewarisi kisah kisah ini, mungkin budak budak sekarang ke, anak anak ke?**
- RM : Susah, sebab anak anak susah mewarisi.

- AI : **Susah disebabkan apa itu?**
- RM : Susah disebabkan tidak ada siapa hendak mengambil tahu, tidak ada dapat keuntungan, tidak ada dapat hasil. Hanya ketika zaman perang sahaja yang ada sejarah ini. Budak sekarang tidak berminat dia hanya melihat macam itu sahaja. Lebih baik dia menonton kartun. Semua benda yang tidak ada dapat keuntungan orang tidak berminat sudah, dunia sekarang sebab dunia sekarang semua memerlukan duit. Budak budak sekarang tidak boleh, mungkin sejarah akan luput macam itu sahaja.
- AI : **Tetapi sesetengah itu ada juga yang minat kan?**
- RM : Ya, yang ada minat itu hanya baca macam itu sahaja. Ada sesetengah yang minat tetapi berapa peratus sahaja yang minat, tetapi ilmu tersebut tidak dapat dekat dia. Lebih baik dia belajar dekat pondok, belajar ilmu dengan tok guru. Belajar ilmu berfaedah selepas itu beramal, sejarah tidak ada apa apa pun.
- AI : **Kiranya dahulu Tok Janggut ini memang berpendidikan, dia belajar sampai dekat luar negara, kalau dulu dia mula pendidikan dekat sekolah pondok lah?**
- RM : Ya, begitulah lebih kurangnya. Dia pergi dekat pondok itu mungkin ilmu dia sudah banyak cuma dia hendak masuk sahaja. Dia ada cara dia, sedangkan dalam kepala dia sudah pandai semuanya. Tetapi dia hanya hendak masuk sahaja.

- AI : Jadi sekarang ini, ada tidak persatuan persatuan atau pertubuhan tentang Tok Janggut ini? Macam Raja Jembal dia ada persatuan persatuan dia. Tetapi kalau Tok Janggut ini, ada tidak tentang persatuan persatuan dia?
- RM : Ada persatuan dia, tapi tidak hidup lagi.
- AI : Berapa lama persatuan itu hidup? Mula tahun berapa, lama ke?
- RM : Lama dah, sekarang tidak hidup dah.
- AI : Tidak ada kaitan ke dengan hubungan persatuan persatuan raja?
- RM : Tidak ada, semua sudah mati, macam Mat Kilau, semua tinggal sejarah. Kalau hendak tahu bukti memang tidak ada. Tok pernah macam itu juga, mati macam itu sahaja. Jadi tidak tahu apa apa dah. Tidak tahu dekat mana dah semua, hilang macam itu sahaja. Akan hilang sebab budak budak tidak minat dah sejarah semua ini cuma sekolah yang datang mahu buat kajian tentang sejarah macam itu sahaja tapi tidak ada apa apa juga sebab tidak mendatangkan hasil untuk masa depan, capai wawasan tidak dapat. Tidak boleh buat apa apa sebab pihak atasan muzium perang dengan raja bawa kes ke mahkamah persekutuan bawa ke mahkamah agung baru boleh buang.

AI : **Jadi Encik Roslan rasa apa yang patut kerajaan sekarang kena lakukan bagi mengubah fakta?**

RM : Tidak boleh mengubah fakta sebab negara kita mungkin banyak berhutang di luar negara. Hutang negara kita banyak masa dekat luar Negara, tidak boleh buat juga. Hutang negara kita banyak lepas itu siapa hendak bawa kes ini. Sekarang pun *aku* [saya] bantu *kasi* [bagi] hutang kepada *mu* [awak], siapa mahu bawa. Hutang TPP [Trans-Pacific Partnership] negara dijajah sampai sekarang dijajah lagi. Lepas itu, kita baru mahu selidik yang lama, tidak sempat dah sebab mereka buat buku TPP [Trans-Pacific Partnership] pula.

AI : **Apakah pendapat Encik Roslan tentang sejarah zaman sekarang?**

RM : Sejarah zaman sekarang tidak ada guna lagi. Macam kita kata, lambang tergantung kita buang pun boleh tidak perlu bagitahu orang besar besar. Tidak ada siapa peduli dah. Cuma kalau lihat dalam itu memang ada anak Tok Janggut mati kena gantung. Tapi lambang di Pasir Putih *gi* [pergi] buang sudah cukup supaya orang datang lihat tidak ada lambang. Kalau orang tanya dekat mana boleh cakap Pasir Putih dekat Siam, sempadan Siam. Pasir Putih padang Siam, mungkin di sungai itu. Terpulang ada di mana, sungai ini ke, sempadan macam itu sahaja. Sikit sahaja Pasir Putih tidak jadi dah. Kita baru mahu mengkaji sejarah tetapi TPP [Trans-Pacific Partnership] sudah masuk. Sedikit masa lagi, orang luar negara mahu

masuk. Peniaga kita mungkin kena bermiaga di kampung sebab dekat Bandar Machang dipenuhi dengan orang besar besar. Dulu syarikat besar ada di Kota Bharu, sekarang ada dekat Labok. Kemungkinan Melayu kita akan merana.

AI : **Jadi Kota Simpul Berlubang tidak dibuka untuk orang awam ke?**

RM : Tidak buka dah.

AI : **Kenapa tidak buka dah?**

RM : Berapa mahu buka? Mahu urus, kena guna duit. Siapa mahu keluarkan duit? Hendak keluarkan duit mahu buat kota cantik. Sedangkan kolam air panas tidak boleh hendak buat maju sedangkan kolam air panas macam itu sahaja. Kota itu sudah tidak ada apa lagi.

AI : **Jadi, kota itu masih kukuh lagi ke?**

RM : Masih kukuh lagi. Ada parit tanda, rumah tidak ada lagi. Tinggal rumah sedikit sahaja, macam itu sahaja.

AI : **Apa yang ada dekat kota itu? Kota itu besar ke?**

RM : Kota itu besar tapi tidak ada apa apa sahaja. Ada rumah yang *dua ratus* [200], *tiga ratus* [300] tahun dahulu, kayu *tiga ratus* [300], *empat ratus* [400] tahun lalu. Kayu tiang lama orang nak buat apa?

- AI : Bagi Encik Roslan, boleh diperbetulkan ke fakta ini atau memang susah hendak dibetulkan?
- RM : Susah dah, makin lama makin susah.
- AI : Memang susah hendak ubah persepsi orang terhadap benda ini?
- RM : Susah tidak ada orang dah. Macam kita, mana hendak peduli lagi bila mati akan mati sahaja. Tidak ada apa apa. Semua tidak mahu terima dan buat sejarah lagi. Dulu ramai sekarang tidak ada lagi. Sejarah hanya untuk kaji sejarah hanya mahu buat buku sahaja. Tapi sepatutnya dia kaji dan buat satu cerita. Tapi tidak boleh pergi jauh, setakat ini tidak boleh buat apa apa hanya mati begitu sahaja.
- AI : Apa Encik Roslan boleh buat kesimpulan tentang Tok Janggut ini?
- RM : Ya, dia seorang yang berani, berilmu, beragama dan ada ilmu tinggi bukan seperti Tok Imam sekarang. Tok Imam sekarang hanya pergi mengaji bagai macam itu sahaja bukan beramal. Tetapi mereka dulu beramal. Ayat ini berapa puluh ribu, yang itu beramal. Mereka ini pergi mengaji suruh ingat sahaja. Mengaji *tiga puluh* [30] juzuk, ingat lepas itu terjemah dalam Bahasa Melayu. Macam Alhamdulillah, amin itu bermaksud benar. Benar tu apa, lada benar lada hitam ke? Benar itu bermaksud *empat* [4] orang nabi tidak ada dosa. Itu ayat benar, dia hanya tukar bahasa sahaja, isi sama sahaja. Seperti buah durian, isi kandungan kena belah, baru dapat nampak isi buah durian kuning sedap makan. Begitu juga ayat al-Quran, kena

beramal. Orang sekarang pergi mengaji tahniz ingat, lepas itu terjemah. Terjemah Arab ke Bahasa Melayu, arab ke Bahasa Inggeris, Arab ke Bahasa Cina. Mereka hanya tukar bahasa sahaja. Isi kandungan itu sebab perlu belajar tassawur. Kalau tidak belajar tassawur, macam mana mahu belajar ilmu perang?

AI : **Jadi, apa pesanan Encik Roslan sebagai penutup, kepada generasi sekarang tentang sejarah ini?**

RM : Tidak ada benda lagi. Kalau hendak belajar sejarah ikut dunia moden macam sekarang tidak ada faedah. Baik cari ilmu untuk maju zaman hadapan.

AI : **Cari ilmu?**

RM : Cari ilmu macam produk satu perniagaan dan boleh dapat hasil. Kita buat cari makan masa depan, dapat pencapaian wawasan. Lihat TPP [Trans-Pacific Partnership] sudah masuk baru duduk belajar sejarah. Mereka ini masuk laju tapi cuma fikir produk untuk pasar ke luar negara itu penting supaya ekonomi kita akan pulih, kita beli barang negara luar. Cari usahawan supaya dapat hasil. Bila sejarah tidak ada lagi, budak sekolah tidak boleh buat apa dah. Kaji sejarah adalah parlimen perang. Ini adalah kuasa raja jadi raja yang perlu ambil tahu. Buat keluar kajian sejarah kepada muzium dan bawa naik ke atas baru kekal. Kalau tidak macam ini la.

AI : **Kena bahaskan ke tempat lebih tinggi?**

RM : Lebih tinggi lagi. Itu sahaja cara. Kuasa raja sultan Kelantan pergi muzium perang supaya dia buat cerita dari A sampai Z supaya bawa masuk kes ke mahkamah agung. Bila keluar buku sejarah, tutup kes dan hantar ke Belanda, ini keputusan mahkamah, kaji macam itu sahaja, rugi masa budak sekolah. Baik fikir buat satu benda buat sesuatu yang datangkan hasil untuk cari duit buat masa depan. Kaji sejarah macam ni tidak ada apa pun.

AI : **Jadi harapan Encik Roslan untuk kaji sejarah?**

RM : Tidak akan berjaya, rugi masa kita begitu sahaja.

AI : **Dia sepatutnya dulu lagi dibetulkan?**

RM : Daripada dulu lagi, sekarang sudah susah muh dibetulkan. Sekarang kalau muh buat jadi susah dah.

TAMAT BAHAGIAN 6

Jadi rasanya, setakat di sini sahajalah kita punya temu duga. Encik Roslan, cerita ini, rakaman ini akan dikeluarkan dalam bentuk bercetak oleh kerjasama dengan pihak UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Jadi terima kasih banyak banyak saya ucapkan pada Encik Roslan sebab sudi meluangkan masa. Minta maaf ambil masa pada petang ini, mungkin Encik Roslan hendak *relax relax* [rehat]. Sorry [maaf] lah kami ambil masa (ketawa). Lama juga ini, jadi setakat itu sahajalah. Terima kasih banyak banyak dan kami juga mengucapkan terima kasih sebagai wakil daripada *lecturer* [pensyarah] kami Madam Nor Kamariah dengan ucapan terima kasih. Itu sahaja. Assalamualaikum WBT

RUJUKAN

Hj Salleh, A. (2011). *Ensiklopedia Unggul Doa Hajat Jampi Mujarrab Segala Penyakit Tanpa Ubat*(pp. 761-775). Pujangga Islam.

Kisah di sebalik kubur Tok Janggut. (2015). *Malaysiakini*. Retrieved 8 June 2016, from
<https://www.malaysiakini.com/news/325005>

Pengenalan. Perubatan Tradisional Penawar. Retrieved 8 June 2016, from http://perubatan-tradisional-penawar.blogspot.my/p/subpage-1_2930.html

LAMPIRAN

LOG

WAWANCARA

LOG TEMURAMAH

PITA 1: BAHAGIAN 1:LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:01:19	Biodata Encik Roslan Mustapha	Kampung Simpul Berlubang Machang, Kelantan
00:02:15	Profil sebagai Tok Bomoh Lan	Kelantan

TAMAT PITA 1: BAHAGIAN 1

PITA 1: BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK JANGGUT

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:07:20	Biodata Tok Janggut	Siam Dusun Nyior, Kelantan Dungun, Terengganu Kuala Berang, Terengganu Pahang Pasir Putih, Kelantan Raja Damalika Sultan Muluk Merah Tok Ku Paloh
00:10:02	Ilmu persilatan Tok Janggut	Pahang Indonesia Mat Kilau Hang Tuah Tuan Puteri Saadong
00:12:47	Perkaitan Tok Janggut dengan Sultan Kelantan	Gua Gajah Sultan Muluk Merah Awang bin Endut
00:14:06	Ciri ciri Tok Janggut	Siam Mat Kilau Tok Ku Paloh

	Tok Selehor Tok Kenali Tok Kemuning Raja Jembal
--	--

TAMAT PITA 1: BAHAGIAN 2

PITA 1: BAHAGIAN 3: SEJARAH PERJUANGAN TOK JANGGUT

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:18:38	Cara Tok Janggut berjuang	British Istanbul Uthmaniyah Machang Bukit Panau Laksamana Cheng Ho Hang Lekir Hang Tuah Hang Lekiu Sultan Pahang

TAMAT PITA 1: BAHAGIAN 3

PITA 1: BAHAGIAN 4: FAKTOR PENENTANGAN TOK JANGGUT

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:22:18	Punca penentangan Tok Janggut	British Burma Melayu

TAMAT PITA 1: BAHAGIAN 4

PITA 1: BAHAGIAN 5: KISAH DI SEBALIK KEMATIAN TOK JANGGUT

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
00:25:17	Peperangan di Pasir Putih	Pasir Putih Kota Bharu
00:29:26	Ilmu kebatinan Tok Janggut	Siam Melaka Terengganu Raja Jembal Tok Guru Nik Aziz
00:44:45	Kematian Tok Janggut	Pasir Putih Kota Bharu Kota Simpul Berlubang Deraman Mat Kilau WHO (World Health Organization) Sultan Muluk Merah

TAMAT PITA 1: BAHAGIAN 5

**PITA 1: BAHAGIAN 6: USAHA MEMPERBETULKAN SEJARAH KEMATIAN
TOK JANGGUT**

MASA	SUBJEK/PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
01:05:19	Cara betulkan sejarah kematian Tok Janggut	Muzium Perang Kota Bharu Kota Simpul Berlubang Abdullah al-Qori TPP (Trans-Pacific Partnership)

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

Masa	Tarikh/Hari	Perkara	Tindakan
8.00-10.00 pagi	4 April 2016	Carian maklumat mengenai kisah di sebalik kematian Tok Janggut.	Mencari maklumat mengenai Tok Janggut di laman internet iaitu melalui Google.
10.00-12.00 tengah hari	5 April 2016	Mencari maklumat mengenai orang yang mengetahui tentang kisah Tok Janggut.	Pergi ke Muzium Kelantan untuk mencari nombor telefon orang yang ada kaitan dengan kisah Tok Janggut.
2.00-4.00 petang	6 April 2016	Berjumpa dengan Ustaz Abdullah Al Qari untuk bertanyakan serba sedikit mengenai kisah kematian Tok Janggut.	Pergi ke rumah beliau yang terletak di Kubang Kerian
4.00-5.00 petang	6 April 2016	Membuat temu janji dengan En. Roslan iaitu orang yang mengetahui mengenai kisah Tok Janggut.	Menelefon En. Roslan serta meminta kebenarannya untuk berjumpa di rumah beliau.
5.00-6.00 petang	7 April 2016	Berjumpa En. Roslan untuk sesi pengenalan ringkas mengenai beliau Tok Janggut.	Pergi berjumpa beliau di rumahnya iaitu di Kampung Simpul Belubang, Machang.
5.00-7.30 petang	14 April 2016	Berjumpa En. Roslan untuk sesi temubual dan perkongsian maklumat mengenai Tok Janggut.	Pergi berjumpa beliau di rumahnya iaitu di Kampung Simpul Belubang, Machang.
2.00 petang	23 Mei 2016	Sesi penghantaran draf pertama transkrip kepada Puan Nor Kamariah	Mencetak draf transkrip, log wawancara dan soalan kajian.
10.00 pagi	8 Jun 2016	Menghantar transkrip untuk penjilidan	Mencetak dan menghantar transkrip yang lengkap untuk penjilidan.

SENARAI SOALAN

SOALAN KAJIAN

Bahagian 1 (Latar Belakang Pencerita)

1. Siapakah nama Encik?
2. Apakah nama gelaran Encik Roslan?
3. Berapakah umur Encik Roslan sekarang?
4. Bilakah tarikh lahir Encik Roslan?
5. Di manakah tempat Encik Roslan dilahirkan?
6. Apakah hobi Encik Roslan pada masa lapang?
7. Apakah pekerjaan Encik Roslan?
8. Di manakah Encik Roslan dibesarkan?
9. Siapakah nama bapa Encik Roslan?
10. Siapakah nama ibu Encik Roslan?
11. Dimanakah negeri asal ibu bapa Encik Roslan?
12. Berapakah jumlah adik-beradik Encik Roslan?
13. Encik Roslan anak yang ke berapakah?
14. Siapakah nama isteri Encik Roslan?
15. Isteri Encik Roslan berasal dari mana?
16. Pada usia berapakah Encik Roslan berkahwin?
17. Berapakah bilangan anak Encik Roslan?
18. Berapa lelaki dan berapa perempuan anak Encik Roslan?
19. Boleh Encik Roslan nyatakan nama anak-anak
20. Apakah yang mereka lakukan sekarang?

Bahagian 2 (Latar Belakang Tok Janggut)

1. Apakah nama sebenar Tok Janggut?
2. Mengapakah beliau digelar sebagai Tok Janggut?
3. Dimanakah tempat Tok Janggut dilahirkan?
4. Pada tahun bilakah beliau dilahirkan?
5. Dimanakah Tok Janggut mendapat pendidikan awal?
6. Adakah Tok Janggut mahir di dalam ilmu persilatan?
7. Apakah pekerjaan Tok Janggut?
8. Kenapakah beliau begitu terkenal di Kelantan?
9. Dimanakah beliau menetap?
10. Adakah Tok Janggut berasal dari keluarga yang miskin?
11. Adakah Tok Janggut mempunyai pertalian dengan Sultan Muhammad IV?
12. Berapakah jumlah adik-beradik Tok Janggut?
13. Tok Janggut anak yang ke berapakah?
14. Boleh Encik Roslan gambarkan bagaimanakah rupa paras Tok Janggut?
15. Adakah Tok Janggut meninggal disebabkan oleh British?
16. Adakah Tok Janggut disenangi oleh rakyat jelata?
17. Siapakah nama isteri Tok Janggut?
18. Adakah Tok Janggut mempunyai anak?
19. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
20. Dimanakah sebenarnya kubur Tok Janggut?

Bahagian 3 (Sejarah Perjuangan Tok Janggut)

1. Kenapakah perjuangan Tok Janggut disalah ertikan pada mulanya?
2. Apakah faktor yang menyebabkan beliau menentang British?
3. Adakah cukai yang dikenakan terlalu tinggi pada zaman dulu?
4. Adakah proses membayar cukai terlalu rumit apabila dicampur tangan oleh British?
5. Berapakah orang pengikut Tok Janggut?
6. Apakah tujuan utama kerajaan British mengenakan cukai terhadap petani?
7. Adakah Tok Janggut pernah dihadapkan di mahkamah disebabkan oleh lewat membayar cukai?
8. Adakah beliau digelar sebagai wira yang berani menentang British?
9. Adakah beliau gembira dengan sistem cukai yang diperkenalkan oleh British?
10. Berapa lamakah penentangan tersebut berlaku?
11. Berapa ramaikah pengikut Tok Janggut yang terkorban dalam penentangan beliau?
12. Adakah sistem cukai yang dikenakan kepada rakyat Kelantan diterima baik?
13. Adakah perubahan yang diperkenalkan telah menyentuh kedudukan dan keistimewaan pemimpin tradisional di negeri Kelantan?
14. Kenapakah Tok Janggut enggan membayar cukai?
15. Adakah Tok Janggut menentang British hanya seorang diri?

Bahagian 4 (Faktor Penentangan Tok Janggut)

1. Bagaimakah kehidupan rakyat di Negeri Kelantan? (sebelum dan selepas)
2. Bagaimanakah keadaan politik di Negeri Kelantan? (sebelum dan selepas)
3. Apakah sistem atau keadaan yang diubah oleh British?
4. Adakah perubahan tersebut menjasakan keadaan rakyat di Negeri Kelantan?
5. Siapa yang kena bayar cukai?
6. Bayar cukai dengan apa?
7. Kenapakah cukai dikenakan?
8. Dimana kena bayar cukai?
9. Hasil cukai itu digunakan untuk apa?
10. Akibat tidak membayar cukai?
11. Apakah punca utama membuatkan Tok Janggut menentang British?
12. Bagaimana punca tersebut menjadi titik tolak kebangkitan rakyat di Negeri Kelantan?
13. Bagaimana Tok Janggut mempengaruhi penduduk tempatan untuk menentang?
14. Jenis-jenis penentangan yang dilakukan? (demo,perang)
15. Tindak balas British dengan penentangan tersebut?

Bahagian 5 (Kisah Disebalik Kematian Tok Janggut)

1. Apakah yang berlaku selepas perang Pasir Putih?
2. Apakah kesan peperangan tersebut pada orang ramai?
3. Apakah yang berlaku dengan kerajaan British selepas berakhirnya peperangan?
4. Berapa ramaikah yang terkorban?
5. Adakah Tok Janggut turut terkorban?
6. Kenapa orang cakap beliau mati ditangan British?
7. Siapakah sebenarnya mayat yang digantung songsang oleh British di Kota Bharu?
8. Apakah kesahihan atau bukti yang beliau tidak mati dalam peperangan?
9. Siapakah yang pencerita rujuk untuk tahu tentang kisah ini?
10. Kemanakah beliau pergi selepas itu?
11. Apakah yang beliau lakukan selepas tamatnya peperangan di Pasir Putih?
12. Bagaimana beliau sebenarnya meninggal dunia?
13. Berapa lamakah beliau sakit sebelum meninggal dunia?
14. Siapakah yang menjaga beliau semasa beliau sakit?
15. Bilakah beliau meninggal dunia?
16. Dimanakah beliau dikebumikan?
17. Siapakah jaga makam beliau?
18. Adakah makam beliau diketahui oleh orang ramai?
19. Adakah makam beliau dikaitkan dengan unsur mistik?
20. Apakah barang peninggalan beliau selepas beliau meninggal dunia?
21. Dimanakah barang tersebut disimpan?

Bahagian 6 (Usaha Memperbetulkan Sejarah Kematian Tok Janggut)

1. Apakah punca tersebarnya sejarah yang palsu mengenai kematian Tok Janggut?
2. Setakat ini, Apakah yang orang percaya mengenai kematian Tok Janggut?
3. Kenapa mereka percaya sebegitu?
4. Bagaimanakah caranya untuk rakyat tahu akan kisah sebenar tentang kematian Tok Janggut?
5. Apakah usaha untuk membetulkan semula sejarah mengenai Tok Janggut?
6. Apakah wujudnya kerjasama dengan mana-mana pihak untuk sebarkan kisah ini?
7. Apakah cara lain yang digunakan untuk sebarkan kisah ini pada orang awam?
8. Siapakah yang datang bertemu dengan bertemu dengan pencerita untuk mengetahui kisah ini?
9. Siapa yang pencerita rasa ada potensi untuk menjadi generasi seterusnya bagi mewarisi kisah ini?
10. Wujudkah persatuan atau pertubuhan mengenai Tok Janggut?

SURAT

PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

(ROSCAN)

Pengisah
ROSCAN MOSTARI
27/4/2016


Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Tokoh Pencerita

LAMPIRAN 2



Gambar 2: Penulis Buku Ensiklopedia Unggul Doa Hajat Jampi Mujarrab Segala Penyakit Tanpa Ubat

LAMPIRAN 3



Gambar 3: Tok Janggut Pejuang Tanah Melayu

LAMPIRAN 4



Gambar 4: Ensiklopedia Yang Mengandungi Kisah Sebalik Kematian Tok Janggut

INDEKS

INDEKS

A

Amuk, 33, 43, 44

Awang Bin Endut, 25, 51, 56, 58

B

British, 6, 21, 23, 24, 29, 31, 32, 38, 40,

42, 44, 45, 49, 51, 58,

Bukit Cina, 45

D

Deraman, 24, 46, 47

Dusun Nyior, 21, 22, 26

E

Eddy Esmira, 31

H

Hang Tuah, 23, 30, 37, 47

Hasan Munoh, 22

K

Kota Bharu, 12, 24, 34, 35, 48, 51, 53, 60,

66

L

Laksamana Cheng Ho, 26

M

Mat Kilau, 22, 23, 24, 26, 27, 36, 45, 48,

64, 65

N

Nabi Muhammad, 40, 53

P

Pasir Putih, 21, 24, 35, 46, 48, 49, 66

Penawar, 15, 16

R

Raja Jembal, 26, 37, 52, 65

Raja Siam, 26, 37

S

Simpul Berlubang, 14, 15, 18, 24

Sultan Muluk Merah, 21, 25, 40, 51

T

Tok Bomoh Lan, 15, 16

Tok Guru Nik Aziz, 37

Tok Imam, 28, 54, 60, 61, 68

Tok Kenali, 26

Tok Ku Paloh, 12, 26, 30

Trans-Pacific Partnership (TPP), 66, 69,

Tuan Puteri Saadong, 23

Tun Razak, 41

U

United Malay National Organization (UMNO), 41

Uthmaniyah, 29, 48

W

*World Health Organization (WHO), 39,
42, 49,*